SIDANG KEMUNCAK ASEAN Ke-27 DAN SIDANG-SIDANG KEMUNCAK BERKAITAN
Kuala Lumpur, Malaysia 18 - 22 November 2015

# Najib puas hati perkembangan semasa projek MRT

12 November 2015 1:45 AM

STEP INTO ASIA'S LARGEST BIRD PARADISE
JURONG BIRD PARK Singapore



PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak diberi penerangan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corporation Datuk Seri Shahril Mokhtar (tengah) semasa melawat Projek MRT Sungai Buloh hari ini.

**KUALA LUMPUR 11 Nov. – Bangga dan berpuas hati dengan perkembangan semasa projek Mass Rapid Transit (MRT), Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yakin jajaran pertama projek itu dapat beroperasi menjelang akhir tahun depan seperti yang dijadualkan.**

"Saya melihat apa yang kita rancangkan selama ini, hari ini telah menjadi kenyataan, Menurutnya, MRT kini memiliki 19 buah tren dan akan menerima 35 buah tren lagi menjelang pertengahan tahun depan.

Dalam pada itu, Najib berkata, projek pembinaan MRT itu membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan disertai syarikat-syarikat tempatan, sekali gus menunjukkan adanya elemen pemindahan teknologi.

"Kita dapat lihat peluang pekerjaan untuk ramai anak Malaysia yang mempunyai kelulusan dan pengalaman, dengan mereka dilibatkan dalam pembangunan MRT merupakan pengalaman yang cukup berharga (buat mereka)," katanya.

Terdahulu, Najib tiba pada 5.25 petang untuk melawat depot MRT Sungai Buloh yang dibina oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) sejak Julai 2011.

Ia merupakan lawatan pertamanya ke depot berkenaan dan lawatan keempat beliau ke projek MRT Lembah Klang (KVMRT). Sebelum ini, beliau pernah melawat Syaf Pelancaran Cochrane sebanyak dua kali dan Stesen MRT Tun Razak Exchange sekali.

Pada lawatan kali ini, perdana menteri dibawa ke Bengkel Penyelenggaraan Stok Keretapi untuk melihat tren MRT yang siap dipasang sepenuhnya dan diuji.

Sepanjang lawatan itu, Najib turut mendengar penerangan dan taklimat Pengarah Projek MRT Corp bagi laluan Sungai Buloh-Kajang, Marcus Karakashian.

BALI
YOU BELONG HERE. Book now from $49/night.
airbnb

Kapsul Berita #3. 11 Nov. 2015 | Kapsul Berita #2. 11 Nov. 2015 | Kapsul Berita #1. 11 Nov. 2015 | Kapsul Berita #2. 10 Nov. 2015

## artikel berkaitan

Najib puas hati perkembangan semasa projek MRT
Indonesia mahu bina penjara dikawal buaya
Patuhi konsep syariah
Kevin Morais, Shaharuddin layak diiktiraf ikon integriti
Sistem jalan raya di Malaysia selamat
Sabah perlu ada komuter, LRT, BRT
PM baharu Kanada jadi fenomena
Badan bebas nilai LPT2
Syarikat konsesi belum sedia tanggung kos bayaran tol pengguna
Naik ETS KL ke Padang Besar 4 jam 45 minit

## popular

Lebuh raya Karak: Empat kenderaan terperangkap
Tanah runtuh: Lebuh raya Karak sesak teruk
Pengawal disyaki terbabit dalam satu lagi kes rogol
Israel bunuh Arafat – Palestin
Kakak maafkan perbuatan adik sebabkan kematian ibu
Pelajar tingkatan 3 ditemukan selamat
Muhammad Rayyan Mikail perlukan RM1,000 lagi
Kesal kematian bayi – Idris
Lelaki hidap kanser gusi perlukan bantuan
Petronas tidak buang pekerja



WWW.UTUSAN.COM.MY © 1997-2014 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD, No. 44, Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.